

KUALA LUMPUR,
Selasa. — Akhirnya Dr. Mahathir bin Mohamad, 46 tahun di-terima sa-mula menjadi ahli UMNO.

Dr. Mahathir di-pechat dari UMNO dan di-gugurkan sa-bagai anggota Majlis Kerja Tertinggi UMNO September 1969.

Keputusan ini di-umumkan sa-lepas sidang Jawatankuasa Disiplin UMNO di-sini petang ini. Sidang tersebut di-pengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr. Ismail selaku Timbalan Presiden UMNO Malaysia.

Keputusan itu di-buat berdasarkan surat Dr. Mahathir sendiri kepada Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, yang juga Presiden UMNO, bertarikh 6 Februari lalu.

Menerusi surat itu, Dr. Mahathir telah menyatakan sebab2 beliau memohon sa-mula menjadi ahli UMNO "kerana saya maseh perchaya kepada dasar dan perjuangan UMNO."

Bersidang

Sa-benar-nya Majlis Tertinggi UMNO yang bersidang pada 15 Januari lalu telah mengarahkan Jawatankuasa Disiplin-nya mengkaji dan mengambil keputusan terhadap permohonan Dr. Mahathir untuk menjadi ahli UMNO sa-mula.

Dan berdasarkan arahan Majlis Tertinggi UMNO itu-lah menyebabkan Jawatankuasa Disiplin UMNO bersidang petang ini mengkaji dan membuat keputusan-nya menerima Dr. Mahathir sa-mula menjadi anggota parti itu.

Di-rojok

Enche Senu menjelaskan permohonan Dr. Mahathir terpaksa di-rojokkan kepada Majlis Tertinggi UMNO kerana beliau pernah di-pechat sa-bagai anggota parti tersebut dulu.

Enche' Senu gembira dan mengalu2kan "kembali-nya" Dr. Mahathir dalam UMNO, tetapi enggan mengulas lanjut.

Dr. Mahathir awal Januari lalu telah menghantar permohonan-nya untuk menjadi ahli UMNO Chawangan Kota Sarang Semut di-bawah Bahagian Kota Setar Selatan.

Permohonan itu di-terima oleh chawangan dan bahagian tersebut yang kemudian merojok-nya kepada Majlis Jawatankuasa Tertinggi UMNO Malaysia.

Satu permohonan lagi di-buat melalui Bahagian Rawang yang juga di-rojokkan kepada Majlis Tertinggi.

Dr. Mahathir di-pechat

sa-telah Majlis Kerja Tertinggi UMNO Malaysia menerusi undi sulit bulan September 1969.

Tindakan itu berikutan dengan kempen2 yang dikatakan di-jalankan oleh Dr. Mahathir terhadap bekas Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman.

Beliau kalah dalam pilihanraya umum 1969 kawasan Parlemen Kota Setar Selatan.

Dr. Mahathir yang di-hubongi di-Alor Setar kira2 40 minit sa-lepas keputusan di-umumkan berkata:

"Saya seronok sa-kali dan bershukor kepada Tuhan.

Keputusan tersebut di-umumkan sendiri oleh Setiausaha Agong UMNO Malaysia, Enche Senu Abdul Rahman, melalui satu kenyataan khas yang di-keluarkan lewat petang ini.

Kenyataan itu berbunyi: "Majlis Jawatankuasa Tertinggi UMNO dalam persidangan-nya pada 15 Januari 1972 telah mengarahkan Jawatankuasa Disiplin parti yang di-pengerusikan oleh

Tun Dr. Ismail Timbalan Presiden UMNO Malaysia, mengkaji dan mengambil keputusan berhubung dengan permintaan Dr. Mahathir bin Mohamad untuk menjadi ahli UMNO sa-mula.

"Sa-telah mengkaji perkara tersebut maka Jawatankuasa Disiplin telah mengambil keputusan ia-itu Dr. Mahathir boleh di-terima menjadi ahli UMNO sa-mula.

"Keputusan ini di-ambil berdasarkan kepada surat Dr. Mahathir kepada Tun Abdul Razak Presiden UMNO Malaysia yang bertarikh 6 Februari 1972.

"Di-dalam surat tersebut Dr. Mahathir telah menyatakan sebab2 beliau memohon menjadi ahli UMNO sa-mula kerana beliau maseh perchaya kepada dasar dan perjuangan UMNO," demikian kenyataan tersebut.

"Saya harap dapat berkhidmat sa-mula kepada UMNO dan akan chuba menjayakan perjuangan-nya.

"Saya akan bergiat sa-mula dalam arena politik tanahayer.

"Saya menguchapkan berbanyak terima kaseh kepada kawan2 yang membantu dan menasihatkan saya untuk berjuang sa-mula dalam UMNO.

"Tetapi saya ingin menjelaskan di-sini, saya akan berjuang sa-mula dalam UMNO menerusi chawangan pertama yang saya pilih, ia-itu chawangan Kota Sarang Semut.

"Bagaimana pun saya berterima kaseh kepada Bahagian Rawang kerana memberikan keperchayaan-nya kepada saya. Saya harap ahli2 Bahagian itu tidak akan berkecil hati." tegas-nya.